

Lahir mahasiswa **berdikari**



Prof Murnizam (empat dari kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang **Minggu Keusahawanan UMSKAL 2014**.

BH 20-11-2014 v10

Labuan: Program Minggu Keusahawanan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menjadi titik tolak melahirkan pelajar yang mampu berdikari, merancang dan dapat mengaplikasikan kemahiran dalam menguruskan kehidupan.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Halik, berkata program juga memberikan pengetahuan berkaitan kepemimpinan, disiplin dan kemahiran pengurusan kepada pelajar.

Beliau berkata, program itu mampu membentuk mahasiswa menjadi usahawan pada masa akan

datang, mengasah sikap kepimpinan serta kecekapan dalam menyelesaikan masalah secara kritis.

“Program Minggu Keusahawanan banyak mendedahkan pelajar peluang perniagaan serta kerjaya terutama dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang menyaksikan persaingan yang cukup sengit,” katanya.

Capai objektif

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Program Minggu Keusahawanan UMSKAL 2014 di Bangunan Menara UMSKAL, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah

Dekan Fakulti Perkomputeran & Informatik, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim; Pengetua Kolej Kediaman Alpha, Mohamad Sarwar E-alam Pengarah Program Minggu Keusahawanan 2014, Fong Bao Hui.

Katanya, pengisian program seperti forum perniagaan dan pertandingan pelan perniagaan yang dijalankan diharap dapat mencapai matlamat dan objektif ditetapkan.

“Saya mahu pelajar memanfaatkan peluang sebegini untuk belajar mengaplikasikan pengetahuan dan ilmu mereka dalam kehidupan seharian,” katanya.